# SMK Ibrahim Fikri juara dikir barat bahasa Inggeris

Oleh Safuwan Saidi
bhskor@bh.com.my

Kuala Terengganu

Pasukan dikir barat Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ibrahim Fikri muncul johan selepas menewaskan tiga buah sekolah lain pada pertandingan Kuala Terengganu Western Dikir Showdown 2014 (KTWDS'14).

Guru Penasihat, Encik Mohd Nawawi Mustapha, berkata meskipun hanya tiga minggu berlatih, sudah cukup berbaloi dengan kemenangan yang diraih itu.

"Kami sangat bersyukur dan begitu gembira apabila dinobatkan sebagai juara walaupun saingan daripada peserta sekolah yang bertanding pada pertandingan ini begitu sengit sekali.

"Kesungguhan serta kerjasama antara ahli kumpulan juga menjadikan kami juara serta kebolehan ahli mempersembahkan dikir dalam bahasa Inggeris," katanya.

Beliau berkata, persembahan dikir barat dalam bahasa Inggeris bukannya mudah kerana memerlukan sebuah penyampaian yang jelas dan sekata.

Penasihat Program KTWDS'14, Cik Nor Jijidiana Azmi, berkata program yang turut mendapat kerjasama Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Kuala Terengganu itu bertujuan untuk mempromosikan serta mendedahkan bahasa Inggeris kepada pelajar sekolah menengah.

"Selain untuk memupuk minat dalam kalangan pelajar sekolah terhadap bahasa Inggeris, program ini juga bertujuan mengekalkan seni kebudayaan tradisional kita iaitu "Dikir Barat" kepada generasi baharu," katanya.

Pada program itu, SMK Ibrahim Fikri berjaya membawa pulang wang tunai RM350 berserta hamper dan sijil penyertaan. Naib juara juga dimenangi oleh SMK Bukit Tunggal dengan meraih wang tunai RM250 dan tempat ketiga pula disandang oleh SM Sains Kuala Terengganu membawa pulang wang tunai RM150 serta hamper dan sijil penyertaan

> "KESUNGGUHAN SERTA KERJASAMA ANTARA AHLI KUMPULAN JUGA MENJADIKAN KAMI JUARA SERTA KEBOLEHAN AHLI MEMPERSEMBAHKAN DIKIR DALAM BAHASA INGGERIS"
>
> ***Encik Mohd Nawawi Mustapha***
> *Guru Penasihat*



***Kumpulan** SMK Ibrahim Fikri.*



***Antara** pasukan yang menyertai pertandingan dikir barat.*

BERITA HARIAN 7/5/2014